

**Semangat Malaysia Boleh:** Antara pencapaian terbaik yang dikecap selama ini adalah keyakinan yang disematkan oleh Dr. Mahathir ke atas warga Malaysia. Pembinaan bangunan tertinggi, ciptaan kereta sendiri, pelayaran mengelilingi dunia dan kemampuan menakluki Gunung Everest merupakan satu pencapaian yang lahir daripada perjuangan yang dilahirkan oleh Dr. Mahathir sendiri. Kemampuan untuk menjadi penganjur sukan berprestij juga merupakan ilham Dr. Mahathir.

Malah keyakinan ini juga membolehkan warga Malaysia memiliki semangat nasionalisme yang tinggi untuk mempertahankan martabat negara dan bangsa. Generasi yang lahir pada hari ini walaupun tidak berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan ataupun merasai pengalaman hidup di bawah penjajahan, mereka sedar harga kebebasan melalui semangat perjuangan pemimpin atasan.

Abdullah perlu memastikan sikap ini berterusan supaya akan lahir generasi yang bangga menjadi warga Malaysia kerana kestabilan politik dan ekonomi dalam aman turut membolehkan kerajaan merangka strategi untuk generasi muda terlibat di dalam implementasi sesuatu dasar. Keberanian dan kesungguhan rakyat ini perlu disusuli dengan dasar yang turut

memelihara kepentingan mereka kerana sumbangan mereka akan membolehkan Abdullah turut mencipta sejarah tersendiri di dalam warisan kepimpinan negara.

**Perhubungan Antara Kaum:** Dr. Mahathir ada menyatakan bahawa kejayaan yang paling bermakna bagi beliau adalah keharmonian antara kaum yang tidak terjejas sama sekali sepanjang beliau mentadbir kerajaan. Perpaduan kaum bukan merupakan satu perkara yang mudah kerana untuk memuaskan hati pelbagai kaum yang menetap di Malaysia agak sukar. Pembangunan diimbangi dengan pembentukan perpaduan antara kaum supaya kestabilan politik tidak gugat. Kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara gagal mempertahankan kestabilan dalam negara kerana wujud rusuhan perkauman dan penentangan ke atas sistem pemerintahan yang berat sebelah. Abdullah perlu memastikan bahawa apa jua keputusan yang bakal dibuat oleh beliau mendapat sokongan sepenuhnya daripada pemimpin pelbagai masyarakat supaya kepimpinan beliau berjalan dengan licin tanpa ada cacat-celanya.

Sepanjang berada di pucuk kepimpinan, Abdullah harus mengambil tindakan yang mungkin bersifat cubaan, yang po-

pular, yang menyaksikan ataupun yang bersesuaian hanya untuk sesuatu tempoh masa sahaja tetapi ia akan mencerminkan kemampuan sebenar beliau sebagai seorang pemimpin. Tanpa adanya usaha dan pelaksanaan, agak sukar untuk beliau terus mantap sebagai seorang Perdana Menteri.

Gabungan beberapa faktor di atas mungkin akan membolehkan beliau mendapat gambaran tentang perkara yang boleh dilakukan, barangkali untuk pengubahsuaian ataupun penerusan sesuatu dasar supaya legitimasi politik akan terus utuh pada masa akan datang. Sesuatu yang baru selalunya akan dilihat dengan perasaan waswas.

Walaupun bagaimanapun, ketokohan dan kredibiliti Abdullah dipercayai akan menjernihkan segala keadaan dalam masa beberapa bulan sahaja. Perkara yang paling penting kini ialah rakyat mesti menaruh harapan dan memberi kepercayaan yang penuh kepada kepimpinan yang baru ini. □

*\* Sivamurugan Pandian ialah pensyarah sambilan di Jabatan Asia Timur Universiti Malaya. Beliau baru sahaja menyiapkan tesis ijazah kedoktoran dalam bidang sosiologi politik.*